

13/05/1999

KBS bimbang anak syarikat persatuan

KEGHAIRAHAN beberapa persatuan sukan mewujudkan syarikat bagi menambah sumber kewangan menimbulkan kebimbangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sekiranya tiada perancangan yang betul.

Masalah yang sudah wujud pada syarikat yang ditubuhkan persatuan sukan ketika ini menjadi sandaran KBS yang mahu memastikannya tidak berulang dengan mewujudkan garis panduan kepada semua persatuan yang berminat.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pihaknya akan menyediakan garis panduan yang jelas bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.

"Sebelum ini syarikat yang ditubuhkan persatuan sukan sukar menyediakan maklumat apabila diminta berbuat demikian.

"Apa yang penting adalah untuk kementerian mengetahui sama ada syarikat yang ditubuhkan memang milik persatuan mahu sekadar dipinjam namanya saja.

"Ini kerana ada beberapa kes membabitkan syarikat yang enggan mengakui ia milik persatuan malah menyatakan ia tidak ada kena mengena dengan persatuan itu walaupun menggunakan namanya," kata selepas mesyuarat mingguan kabinet.

Menurut Muhyiddin, sekiranya persatuan masih berminat menubuhkan syarikat, kementerian mahu melihat statusnya, rekod serta kontrak yang ditandatangani.

"Jika garis panduan yang ada tidak dipenuhi, hasrat persatuan terbabit akan ditolak.

Sementara itu, dua adik beradik, Justin, 19, dan Gerald Read, 25, akan diberi penghargaan pada majlis Hari Belia pada Ahad ini berikutan kejayaan menjadi rakyat pertama Malaysia berjalan kaki ke Khutub Utara.

Muhyiddin berkata penghargaan itu dirasakan sesuai untuk diadakan pada sambutan Hari Belia dan kedua-dua beradik itu akan menerimanya daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kementerian mulanya mahu mengadakan sambutan apabila Justin dan Gerald pulang daripada misi mereka tetapi keluarga terbabit agak keberatan kerana mahu ia diadakan secara sederhana membabitkan anggota mereka saja.

"Kementerian merasakan kejayaan kedua-dua beradik itu cukup membanggakan dan wajar menerima penghargaan.

"Oleh kerana Hari Belia semakin, tentunya ia paling sesuai untuk mereka diberikan penghargaan. Saya juga sudah memaklumkan perkara itu kepada keluarga mereka.

(END)